

H A D I F A Y Y A D H



SEMUSIM DI
MAHSYAR

RATAP DARI PEMBARINGAN LAHAD



HADI FAYYADH
P R O D U C T I O N

SEMUSIM DI

MAHSYAR

TEASER

ISI KANDUNGAN

1. SIULAN DERITA INI BUKAN UNTUKKU.
2. MENANGKAP BAYANG DI WAKTU MALAM.
3. SEBUAH LENTERA SYURGA YANG HILANG.
4. KU TINGGALKAN DEBU-DEBU DUNIA.
5. MALAIKAT KECIL TIDAK BERSAYAP.
6. KETIKA AKU MENJEMPUT CINTA.
7. AKU BERJALAN SEJAUH INI ?
8. SEBUAH NOKTAH MASA.
9. KETIKA DIRANGKUL SELIMUT DOSA
10. SEJAUHMATA YANG MEMANDANG
11. KEMBARA PARA SANG KEKASIH
12. DI UFUK MIHRAB PENGHUJUNG SEMESTA
13. BERKELANA SEBUAH LENTERA
14. TIKA BERTEDUH DI LANGIT YANG HILANG
15. HENING TANGISAN DI TUGU NISAN
16. SAAT CINTA TIDAK DIKEMBALIKAN
17. PENAFSIRAN EPILOG SILAM
18. TERSIMPANG DI ATAS JALAN WAKTU.

SETITIS TINTAKU BUATMU

“Semusim Di Mahsyar adalah hadiah dari mereka yang dititipkan hidayah dan petunjukNYA.

Novel ini hadir menceritakan kembali, bagaimana sebuah perjalanan waktu, walau ianya hanya gambaran.

Apakah kamu menyangka, bahawa hidup ini adalah sebuah permainan dengan hanya dibiarkan kau melakukan kerosakkan dan kemaksiatan?

Sungguh, *Mahsyar* adalah rahsia Allah SWT. walaupun hanya gambaran, boleh jadi disana punya persamaan atau barangkali jauh dari sifat dan keadaan, namun ianya cukup meluluhkan hati bagi yang melalui dan merasai”

SEMUSIM DI MAHSYAR

'Ratap di pembaringan lahad'

Diabadikan sebuah bingkisan kisah, seorang anak gadis, yang hanya mahu namanya di nukilkan sebagai *'Iqlima Salsabilla'* telah melalui perjalanan hidup yang disentuh dengan ujian yang berat.

Dititipkan Allah lentera taqdir kehidupannya, nyawanya berhenti saat kegagalan proses pembedahan pemindahan hati. Dia disahkan mati oleh pihak Hospital.

Allah SWT itu maha mengetahui perencanaanNYA walau tersirat dan tersurat. Dia dikebumikan selama 5 hari, lalu dibongkarkan kembali kuburnya setelah didesak oleh ayahnya. Alasan ayahnya mengatakan, dia mendapat mimpi melihat anaknya pulang ke rumah.

Ayahnya melihat anaknya itu kembali dengan keadaan kain kapan yang berlumuran darah dan nanah, meminta untuk dibongkarkan kembali kuburnya kerana dia masih hidup.

Walaupun sukar dipercayai, namun pihak berwajib setuju mengikut kehendak ayah dan keluarganya yang mula jatuh sakit akibat peristiwa itu.

Mata yang dibentangkan dengan hamparan ibrah dari Allah, dipertontonkan kepadanya umpama aliran nasib taqdir manusia di Mahsyar.

Setiap kali dia bercerita, setiap kali itulah dia pasti akan menangis. Dia tidak mampu melupakan pengalaman dahsyat yang dilaluinya sepanjang 5 hari dia berada di dalam liang lahad.

“ Kalaulah, ayah dan keluarga saya tak desak orang kampung dan pihak polis, tentu saya tidak lagi di dunia pada saat dan waktu ini.”

Detik yang paling menyedihkan dan dia tidak mampu lupakan selama-lamanya di dalam hidupnya adalah setelah dia mengetahui siapakah jasad yang dikebumikan bersamanya.

“Sangat mengejutkan. Tidak saya duga, orang yang mendermakan hati kepada saya turut meninggal dunia. Dan dia pula benar-benar mati, tidak seperti saya.”

Semusim Di Mahsyar adalah sebuah coretan kisah benar yang ditulis kembali oleh penulis, dengan situasi dan suasana tempat diolah semula atas permintaan beliau.

Baginya, biarlah hanya mereka yang rapat dengannya dan orang kampung sahaja yang tahu kisah ini yang berlaku beberapa tahun lalu. Semoga ia menjadi ibrah, sama bahkan lebih menggugah dari kisah Semusim Di Barzakh.

Sungguh, pengalamannya ketika berada di dalam Kubur dan melalui kembara mahsyar sangat menakutkan.

Pelbagai persoalan, pertanyaan bahkan kejutan bakal kamu alami. Ianya bukan direka, hanya diolah dengan dikekalkan pasak kisah asal yang sememangnya sudah cukup menyeramkan.

Penulis meninggalkan kamu beberapa persoalan antaranya, *Iqlima Salsabila* adalah anak 'haram', Apa puncanya? Benarkah begitu ? Lantas dia dipulaukan oleh masyarakat. Siapakah penderma hati kepada Iqlima sehingga dia juga turut meninggal dunia?

Qaleef Haiqal, siapakah jejak yang berjaya mencuri hatinya, lalu gagal dinikahkan, kenapa?

Siapakah pula wanita yang dia lihat, muda remaja yang setiap kali akan membantunya sewaktu dia disambar api? Adakah amalan baiknya? Bukan seperti apa yang anda fikirkan.

Adakah titian sirat seperti gunung? Mendakinya sahaja hampir ribuan tahun, menuruninya pula ribuan tahun? Apakah Iqlima lalui semua itu? Adakah dia berdepan situasi Mahsyar seperti yang diceritakan di dalam Al-Quran? Bertemu para Nabi dan Rasul?

Iblis berkhotbah dengan penyesalan yang sangat dahsyat, apakah kata-kata yang didengari oleh Iqlima? Adakah dia juga bertemu dengan Qarun? Haman? Manusia terkenal yang menderhaka kepada Allah SWT? Bagaimana dengan Rasulullah ? bayangan atau sebenar pertemuan?

Selusurilah kisah benar ini dan pastikan kamu bersedia untuk merasai sesuatu ibrah yang Allah SWT pilih di kalangan jutaan manusia untuk meneguk dinginnya hidayahNYA, dan pastinya kamu juga terpilih untuk merasainya.

Hanya Allah sebaik-baik pelindung.

Hadi Fayyadh

Penulis



HARGA
RM 29.90

QALEEF
HAIKAL

AYAH

RABIATUL
ADAWIYAH

MAK NGAH
SOFEA

IQLIMA SALSABILA



SEMUSIM DI
MAHSYAR

RATAP DARI PEMBARINGAN LAHAD

HAJI FAYYADI PRODUCTIONS PRESENTS SEMUSIM DI BARZAKHI DAN KETIKA AZAZUL BERPUTUS ASA. LAKSANA: HAJI FAYYADI. SCRIPT WRITER: HAJI FAYYADI. "SIBU KABA"
DIBALUT: FAHIAN, HANIS, ALZAT, FARHAN, "PUSBI" DIBALUT: ALZAT, FARHAN, JUSUHA, BANCI, FIBER, FARIS. DIBALUT: HAJI FAYYADI. "P" HAJI FAYYADI

OGOS 2017

